

**BORANG PERMOHONAN  
 FESTIVAL INOVASI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM) 2024**

**BAHAGIAN 1 : DEMOGRAFI INDIVIDU / KUMPULAN**

PERKARA	BUTIRAN YANG PERLU DIISI DAN DILENGKAPKAN OLEH PEMOHON		
<b>KETUA KUMPULAN</b>	<b>NAMA :</b> Sabrina Ibrahim <b>JAWATAN :</b> Kumpulan A dan JUSA : 41 ke atas <b>NO. PEKERJA :</b> 10816 <b>EMEL :</b> sabrina@utm.my <b>NO. TEL. BIMBIT :</b> 0127864679		
<b>MAKLUMAT AHLI KUMPULAN</b> (senarai semua nama ahli Kumpulan (sama sepertimana dalam Kad Pengenalan))	<b>NAMA AHLI KUMPULAN</b>	<b>KOD JAWATAN</b>	<b>NO PEKERJA/MATRIK</b>
	Encik Mohd Subha Bin Salleh	Pegawai Teknologi Maklumat F44	9364
	Encik Mohd. Sufian Bin Noralazam	Penolong Pendaftar N41	15581
	Encik Abd Rahman Bin Hamzah	Pegawai Teknologi Maklumat F44	11843
<b>TAJUK PROJEK YANG DICADANGKAN</b>	<b>SISTEM PENGURUSAN ACARA</b>		

**BAHAGIAN 2 : MAKLUMAT PROJEK**

<b>NAMA KUMPULAN</b>	Quantum Leap
<b>TARIKH KUMPULAN DITUBUHKAN</b>	3/1/2021
<b>NAMA PUSAT TANGGUNGJAWAB</b>	JABATAN PENDAFTAR
<b>RINGKASAN PROJEK</b>	<p>Pengurusan acara/ majlis merupakan sebahagian fungsi yang dimainkan oleh Bahagian Pengurusan Organisasi (BPO) sebagai salah satu bahagian utama yang menyokong perkhidmatan di Jabatan Pendaftar. Pada setiap tahun, sebanyak tiga penganjuran majlis peringkat universiti diuruskan oleh BPO dengan jumlah tetamu/peserta mencecah 300 hingga 600 orang di mana ia memerlukan perancangan rapi dari setiap aspek untuk memastikan majlis berjalan lancar.</p> <p>Sistem Pengurusan Acara telah dibangunkan untuk memudahkan urusan pendaftaran dan pengurusan majlis dengan ciri-ciri inovatif yang menyelesaikan cabaran utama yang dihadapi oleh BPO semasa penganjuran majlis seperti keperluan tenaga urusetia yang ramai bagi sesi pendaftaran, persiapan teknikal pendaftaran yang memakan masa, barisan panjang semasa pendaftaran, serta risiko kecurian dan kerosakan peralatan. Sistem ini menggantikan kaedah pendaftaran manual dengan proses dalam talian yang boleh diakses melalui web, mengurangkan beban tenaga kerja dan masa menunggu tetamu/peserta. Data kehadiran juga dikemaskini secara masa nyata (real time) yang akan</p>



	<p>memastikan ketepatan maklumat kehadiran walaupun terdapat kehadiran lewat sekaligus memudahkan penyusunan penerima anugerah semasa naik ke pentas, penyusunan sijil penerima anugerah, bacaan penyampaian anugerah yang lancar dan pengendalian cabutan bertuah yang sistematik. Inovasi ini memastikan penganjuran majlis berjalan dengan lebih lancar dan efisien. Soal selidik penganjuran Majlis Citra Karisma dan Majlis Sanjungan Budi pada tahun 2022 dan 2023 menunjukkan 90% tetamu berpuas hati dengan proses pendaftaran dan kelancaran perjalanan majlis. Inovasi ini telah diguna oleh beberapa PTJ lain seperti UTMD dan JTNCN semasa menganjurkan majlis anugerah kecemerlangan staf di PTJ mereka.</p>
--	---

**BAHAGIAN 3 : TAHAP KESEDIAAN TEKNOLOGI (TRL)**

<b>TAHAP KESEDIAAN PROJEK</b>	TRL 5 : Teknologi disahkan dalam persekitaran yang relevan (disimulasikan atau sebenar)
-------------------------------	---

**BAHAGIAN 4 : PERINCIAN**

	<p><b>ORIGINALITY / KETULENAN</b> Describe the originality of your idea / Terangkan keaslian idea anda</p>
1	<p>Keaslian idea dalam pembangunan inovasi ini terletak pada pendekatannya yang menyelesaikan pelbagai masalah secara serentak menggunakan teknologi web-based automation platform .Net 6. Inovasi ini bukan hanya menggantikan pendaftaran manual dengan sistem dalam talian, tetapi juga mengintegrasikan beberapa fungsi penting seperti proses pendaftaran, paparan maklumat tempat duduk dan meja, susunan penerima anugerah, kemaskini data kehadiran, cabutan bertuah secara digital dan pengurangan risiko terhadap peralatan teknikal. Pendekatan ini menonjol kerana ia menggabungkan automasi pendaftaran dengan penyelarasan teknologi yang efisien, mengurangkan beban urusetia, mengelakkan barisan panjang, dan melancarkan serta memudahkan pengurusan majlis secara keseluruhan.</p> <p>Selain itu, inovasi ini juga memperkenalkan unsur keselamatan dan kemudahan dalam pengendalian data melalui kemaskini langsung, menjadikan proses lebih telus dan pantas. Ini memperlihatkan keaslian idea yang bukan sekadar digitalisasi proses tetapi juga meningkatkan mutu pengendalian majlis secara holistik.</p> <p><b>LAMPIRAN :</b> <a href="https://registrar.utm.my/bpo/wp-content/uploads/sites/387/formidable/62/Majlis-Anjuran-BPO-1.pdf">https://registrar.utm.my/bpo/wp-content/uploads/sites/387/formidable/62/Majlis-Anjuran-BPO-1.pdf</a></p>
	<p><b>PROBLEM STATEMENT / PENYATAAN PERMASALAHAN</b> Define the problem your project addresses / Nyatakan masalah yang ditangani oleh projek anda</p>
2	<p>Projek inovasi ini menangani beberapa masalah utama yang sering berlaku semasa penganjuran majlis, seperti:</p> <p>Keperluan Tenaga Urusetia yang Tinggi: Sebelum ini, majlis memerlukan ramai urusetia untuk menguruskan pendaftaran mengikut kategori anugerah/acara dan cabutan bertuah secara manual, yang meningkatkan kos dan beban kerja. Inovasi ini mengurangkan keperluan tenaga kerja dengan automasi pendaftaran dan cabutan bertuah secara digital.</p> <p>Barisan Panjang dan Masa Menunggu semasa Pendaftaran: Tetamu/peserta sering beratur panjang, terutamanya semasa waktu puncak. Ini menjejaskan kelancaran majlis dan pengalaman tetamu/peserta. Dengan sistem pendaftaran online, tetamu/peserta dapat mendaftar lebih cepat, mengurangkan kesesakan.</p> <p>Persediaan Teknikal yang Rumit: AJK Teknikal terpaksa menyediakan peralatan seperti komputer dan sistem pendaftaran sehari sebelum majlis, dengan risiko kerosakan atau kecurian peralatan. Inovasi ini mengurangkan pergantungan kepada peralatan teknikal dan risiko yang berkaitan kerana hanya memerlukan peralatan yang minimum dan dipasang semasa majlis berlangsung.</p> <p>Kemaskini Kehadiran yang Tidak Tepat: Pengacara dan AJK sukar mengurus senarai kehadiran kerana ia dicetak lebih awal dan tidak mengandungi data semasa. Ia juga memberi kesan kepada petugas pengurusan pentas yang bertanggung jawab menyusun penerima anugerah mengikut senarai kehadiran dan petugas sijil. Dengan sistem ini, data kehadiran dikemaskini masa nyata (real time), memudahkan pengurusan majlis secara lebih efisien.</p> <p>Penggunaan kertas yang banyak untuk mencetak slip kehadiran dan senarai kehadiran tetamu/peserta: Urus setia perlu mencetak slip kehadiran setiap tetamu/peserta yang hadir bagi rujukan mereka mencari tempat duduk dan senarai kehadiran sebanyak 10 salinan dengan jumlah muka surat melebihi</p>



	<p>50 helai untuk rujukan petugas pentas dan petugas penyusunan sijil anugerah. Dengan sistem ini, slip kehadiran dan senarai kehadiran tetamu/peserta boleh terus di akses menggunakan telefon bimbit tetamu dan peranti tablet petugas dan ia menjimatkan masa dan kos cetakan.</p> <p><b>LAMPIRAN :</b> <a href="https://registrar.utm.my/bpo/wp-content/uploads/sites/387/formidable/62/PENYATAAN-PERMASALAHAN-1-1.pdf">https://registrar.utm.my/bpo/wp-content/uploads/sites/387/formidable/62/PENYATAAN-PERMASALAHAN-1-1.pdf</a></p>
3	<p><b>TECHNOLOGY/ TEKNOLOGI</b> <b>Explain the technology and potential IP status / Terangkan teknologi dan status harta intelek yang berpotensi</b></p> <p>Projek ini menggunakan teknologi web-based automation platform .Net 6 yang mengintegrasikan proses pendaftaran, paparan maklumat tempat duduk dan meja, susunan penerima anugerah, kemaskini data kehadiran, dan cabutan bertuah secara digital. Dengan automasi melalui teknologi ini, ia menghilangkan keperluan untuk pendaftaran manual, kehadiran urusetia yang ramai dan peralatan ICT yang banyak. Penggunaan real-time data management memastikan maklumat kehadiran dikemaskini dengan segera dan meningkatkan kelancaran majlis. Selain itu, teknologi QR code scanning , NFC (Near Field Communication) dan RFID boleh digunakan untuk memudahkan tetamu/peserta mendaftar dengan cepat melalui peranti pintar, meminimumkan masa menunggu.</p> <p>Sistem Pengurusan Acara ini boleh ditambah baik dengan menambah ciri seperti sistem tempahan tempat duduk di pawagam kerana kedua-duanya menggunakan konsep paparan tempat duduk secara interaktif yang berhubung dengan data kehadiran. Seperti dalam sistem tempahan pawagam, di mana tempat duduk yang ditempah akan berubah warna apabila ditempah atau diambil, sistem pengurusan acara ini juga berfungsi serupa. Apabila tetamu mendaftar kehadiran secara digital, data tempat duduk mereka akan dikemaskini secara automatik, dan paparan tempat duduk akan berubah warna untuk menunjukkan status kehadiran tetamu tersebut. Teknologi ini membantu memantau susunan tempat duduk secara masa nyata, memastikan kelancaran acara dan memberikan visualisasi yang jelas kepada urusetia dan pengacara tentang tetamu yang hadir, serta memudahkan susunan penerima anugerah dan cabutan bertuah. Integrasi teknologi web-based automation ini mengoptimalkan pengurusan data kehadiran dengan pantas dan efisien, sama seperti sistem pawagam.</p> <p><b>LAMPIRAN :</b> <a href="https://registrar.utm.my/bpo/wp-content/uploads/sites/387/formidable/62/TEKNOLOGI.pdf">https://registrar.utm.my/bpo/wp-content/uploads/sites/387/formidable/62/TEKNOLOGI.pdf</a></p>
4	<p><b>APPLICABILITY / APLIKASI</b> <b>Explain the applicability of your project to the sector / Terangkan kebolehlaksanaan projek anda kepada sektor</b></p> <p>Kebolehlaksanaan projek inovasi ini kepada sektor melibatkan majlis atau acara, terutamanya sektor awam dan swasta, adalah tinggi kerana ia menyelesaikan masalah pendaftaran tetamu/peserta secara lebih cekap dan efektif. Dengan mengautomasi proses pendaftaran dan pengurusan kehadiran melalui sistem web, inovasi ini dapat diintegrasikan dalam pelbagai sektor yang mengadakan acara seperti persidangan, seminar, dan majlis anugerah.</p> <p>Institusi Pendidikan: Universiti, kolej, atau institusi pendidikan yang sering mengadakan acara seperti konvokesyen, pendaftaran pelajar dan seminar juga akan mendapat manfaat dari segi pengurusan kehadiran pelajar dan tetamu/peserta secara lebih sistematik dan tepat.</p> <p>Sektor Awam: Institusi kerajaan yang sering menganjurkan majlis rasmi seperti mesyuarat, persidangan, atau penganugerahan akan mendapat manfaat daripada sistem ini. Proses pendaftaran yang lancar mengurangkan keperluan untuk ramai urusetia dan memastikan data kehadiran lebih mudah diuruskan. Ini selaras dengan inisiatif kerajaan untuk menggalakkan pendigitalan perkhidmatan dalam meningkatkan kecekapan operasi.</p> <p>Sektor Swasta: Syarikat swasta yang menganjurkan majlis korporat, pameran, atau acara besar boleh mengaplikasikan teknologi ini untuk meningkatkan pengalaman pengguna dan mengurangkan kos operasi. Proses pendaftaran online yang cepat dan cekap memberi imej positif kepada pelanggan dan tetamu/peserta, selain membantu dalam pengumpulan data secara tepat.</p> <p>Secara keseluruhan, inovasi ini dapat dilaksanakan dalam sektor yang melibatkan acara besar yang memerlukan pendaftaran dan pengurusan kehadiran, menjadikannya solusi praktikal dan serbaguna untuk meningkatkan kecekapan serta mengurangkan kos.</p> <p><b>LAMPIRAN :</b> <a href="https://registrar.utm.my/bpo/wp-content/uploads/sites/387/formidable/62/DAPATAN-SOAL-SELIDIK-CK-DAN-MSB.pdf">https://registrar.utm.my/bpo/wp-content/uploads/sites/387/formidable/62/DAPATAN-SOAL-SELIDIK-CK-DAN-MSB.pdf</a></p>
5	<p><b>INNOVATIVENESS / INOVASI</b> <b>Describe how your project is innovative / Terangkan bagaimana projek anda adalah inovatif</b></p> <p>Projek ini dianggap inovatif kerana ia memperkenalkan pendekatan baru dalam mengautomasi dan mempercepatkan proses pendaftaran majlis yang sebelum ini dilakukan secara manual. Terdapat beberapa aspek yang menjadikannya inovatif:</p> <p>Automasi Pendaftaran dan Kehadiran Masa Nyata: Sistem ini menggantikan proses pendaftaran tradisional yang memerlukan kehadiran petugas yang ramai bersama peralatan teknikal berbanding menggunakan sistem pendaftaran online yang boleh diakses melalui peranti pintar. Kehadiran tetamu/peserta dikemas kini secara langsung, memberikan data masa nyata kepada petugas pengurusan pentas dan penyediaan sijil membuat persediaan sekaligus mengurangkan beban kerja dan risiko kesilapan manual.</p> <p>Integrasi Cabutan Bertuah Digital: Inovasi ini juga boleh digunakan dalam pengurusan cabutan bertuah secara digital, di mana nama tetamu/peserta secara automatik dimasukkan dalam cabutan selepas pendaftaran. Ini menggantikan kaedah manual yang memerlukan urusetia menyediakan kertas yang mengandungi nama setiap tetamu untuk dimasukkan ke dalam kotak cabutan bertuah.</p> <p>Penggunaan Teknologi Semasa: Penggunaan QR code scanning atau NFC untuk memudahkan proses pendaftaran fizikal tanpa memerlukan peralatan teknikal yang rumit. Ini juga mengurangkan risiko kerosakan peralatan serta kecurian, sambil memastikan proses berjalan lebih lancar dan pantas.</p>



	<p>Penyelesaian untuk Pengurusan Data: Senarai kehadiran yang dicetak sering kali tidak mencerminkan kehadiran sebenar, terutama jika terdapat tetamu/peserta yang hadir selepas senarai dicetak. Inovasi ini memastikan pengacara dan urusetia mempunyai akses kepada data terkini, yang memudahkan pengurusan majlis dengan lebih cekap.</p> <p>Secara keseluruhannya, inovasi ini memperkenalkan cara baru untuk menguruskan majlis dengan lebih efisien, menggunakan teknologi terkini untuk mempercepatkan pendaftaran, mengurangkan risiko, dan meningkatkan pengalaman tetamu/peserta serta pengurusan majlis.</p> <p><b>LAMPIRAN :</b> <a href="https://registrar.utm.my/bpo/wp-content/uploads/sites/387/formidable/62/TEKNOLOGI-1.pdf">https://registrar.utm.my/bpo/wp-content/uploads/sites/387/formidable/62/TEKNOLOGI-1.pdf</a></p>
6	<p><b>IMPACT / KESAN</b> Describe the impact of your project on the (sector/ university/ state/ national/ international level) Terangkan kesan projek anda kepada (sektor/ university/ negeri/ nasional/ internasional)</p> <p>Projek inovasi pendaftaran majlis ini mempunyai kesan yang signifikan pada peringkat:</p> <p>Sektor Pengurusan Acara: Dalam sektor acara dan pengurusan majlis, inovasi ini meningkatkan kecekapan dengan mengurangkan masa pendaftaran, meminimumkan keperluan tenaga kerja, dan menghilangkan risiko kesilapan manusia dalam pengurusan kehadiran dan cabutan bertuah. Sektor korporat, pendidikan, dan kerajaan dapat meraih manfaat melalui pengurusan acara yang lebih cepat dan tersusun.</p> <p>Universiti: Projek ini memberi kesan positif kepada ti universiti yang sering mengadakan majlis besar seperti konvokesyen, seminar, atau persidangan. Universiti boleh meningkatkan pengalaman pelajar dan tetamu dengan sistem pendaftaran yang lancar dan mesra pengguna, di samping memudahkan urusan pengurusan dan dokumentasi kehadiran secara masa nyata.</p> <p><b>LAMPIRAN :</b></p>
7	<p><b>TEAMWORK / KERJASAMA PASUKAN</b> Describe the teamwork involved in your project / Terangkan kerjasama yang terlibat dalam projek anda</p> <p>Kerjasama dalam membangunkan inovasi melibatkan beberapa pihak. Berikut adalah komponen utama kerjasama dalam menjayakan inovasi ini:</p> <p>Urus Setia Majlis: Urus setia majlis telah memainkan peranan utama dalam menyelaras semua keperluan pembangunan inovasi dan memberikan panduan kepada jawatankuasa teknikal serta pendaftaran. Urus setia telah membantu menyediakan keperluan pengguna sistem inovasi, membuat perbincangan dan menyelaras maklumat-maklumat dalam memastikan ia memenuhi keperluan pembangunan sistem acara majlis.</p> <p>Jawatankuasa Pendaftaran: Jawatankuasa ini telah terlibat dalam menyumbang idea dan memberi maklum balas mengenai bagaimana sistem pendaftaran boleh dioptimumkan. Mereka bekerjasama dengan pasukan UTMD untuk menyusun proses pendaftaran digital yang efisien, yang boleh memudahkan tetamu/peserta, mengurangkan masa pendaftaran, dan memastikan integrasi dengan data kehadiran.</p> <p>Jawatankuasa Teknikal: Jawatankuasa ini bertanggungjawab dalam pembangunan teknikal sistem inovasi. Mereka bekerjasama dengan pembangunan perisian untuk membangunkan aplikasi atau sistem berasaskan web yang memudahkan proses pendaftaran dan kehadiran tetamu/peserta. Selain itu, jawatankuasa ini turut menguji dan memperbaiki sistem sebelum pelaksanaan majlis, memastikan ia stabil dan sesuai untuk kegunaan.</p> <p><b>LAMPIRAN :</b> <a href="https://registrar.utm.my/bpo/wp-content/uploads/sites/387/formidable/62/MESYUARAT-PENYELARASAN-KAEDAH-PENDAFTARAN-MAJLIS-CITRA-KARISMA-2021.pptx.pdf">https://registrar.utm.my/bpo/wp-content/uploads/sites/387/formidable/62/MESYUARAT-PENYELARASAN-KAEDAH-PENDAFTARAN-MAJLIS-CITRA-KARISMA-2021.pptx.pdf</a></p>
8	<p><b>POTENTIAL MARKET / KEBOLEHPASARAN</b> Describe the potential market for your project / Terangkan pasaran potensi untuk projek anda</p> <p>Pasaran potensi untuk inovasi ini sangat luas, kerana ia menggabungkan pelbagai fungsi penting dalam pengurusan majlis secara digital yang sesuai untuk pelbagai sektor. Berikut adalah sektor-sektor yang dapat memanfaatkan inovasi ini:</p> <p>Industri Acara dan Majlis: Penganjur acara korporat, persidangan, dan seminar boleh menggunakan sistem ini untuk menguruskan pendaftaran peserta, susunan tempat duduk, dan paparan maklumat penerima anugerah dengan lebih efisien. Ini mengurangkan keperluan tenaga kerja manual dan meningkatkan kecekapan operasi majlis.</p> <p>Sektor Pendidikan: Institusi pendidikan, seperti universiti, boleh menggunakan sistem ini untuk acara konvokesyen, seminar, atau acara besar yang melibatkan ribuan peserta. Inovasi ini boleh membantu dalam menguruskan pelajar dan tetamu, susunan tempat duduk, serta cabutan bertuah secara digital.</p> <p>Sektor Perhotelan dan Perkhidmatan Majlis: Hotel atau pusat konvensyen yang sering mengadakan majlis perkahwinan, gala dinner, dan acara formal boleh memanfaatkan sistem ini untuk memastikan pengurusan tetamu yang lebih teratur. Dengan fungsi paparan tempat duduk seperti di panggung wayang, peserta dapat mengetahui tempat duduk mereka secara digital, mengurangkan kesesakan dan masa menunggu.</p>



Sektor Kerajaan: Agensi kerajaan yang mengadakan majlis rasmi dan acara awam boleh menggunakan inovasi ini untuk memudahkan pengurusan tetamu kenamaan, memastikan susunan tempat duduk mengikut protokol, serta meminimumkan risiko teknikal yang sering berlaku dalam pengurusan acara. Pasaran potensi untuk inovasi ini sangat luas, kerana ia menggabungkan pelbagai fungsi penting dalam pengurusan majlis secara digital yang sesuai untuk pelbagai sektor. Berikut adalah sektor-sektor yang dapat memanfaatkan inovasi ini:

Industri Acara dan Majlis: Penganjur acara korporat, persidangan, dan seminar boleh menggunakan sistem ini untuk menguruskan pendaftaran peserta, susunan tempat duduk, dan paparan maklumat penerima anugerah dengan lebih efisien. Ini mengurangkan keperluan tenaga kerja manual dan meningkatkan kecekapan operasi majlis.

Sektor Pendidikan: Institusi pendidikan, seperti universiti, boleh menggunakan sistem ini untuk acara konvokesyen, seminar, atau acara besar yang melibatkan ribuan peserta. Inovasi ini boleh membantu dalam menguruskan pelajar dan tetamu, susunan tempat duduk, serta cabutan bertuah secara digital.

Sektor Perhotelan dan Perkhidmatan Majlis: Hotel atau pusat konvensyen yang sering mengadakan majlis perkahwinan, gala dinner, dan acara formal boleh memanfaatkan sistem ini untuk memastikan pengurusan tetamu yang lebih teratur. Dengan fungsi paparan tempat duduk seperti di panggung wayang, peserta dapat mengetahui tempat duduk mereka secara digital, mengurangkan kesesakan dan masa menunggu.

Sektor Kerajaan: Agensi kerajaan yang mengadakan majlis rasmi dan acara awam boleh menggunakan inovasi ini untuk memudahkan pengurusan tetamu kenamaan, memastikan susunan tempat duduk mengikut protokol, serta meminimumkan risiko teknikal yang sering berlaku dalam pengurusan acara.

LAMPIRAN :

**COMMERCIALIZATION PLAN / PERANCANGAN PENGKOMERSILAN**

**Outline the commercialization plan for your project / Gariskan rancangan pengkomersialan untuk projek anda**

Inovasi ini telah diguna oleh beberapa PTJ lain seperti UTMD dan JTNCN semasa menganjurkan majlis anugerah kecemerlangan staf di PTJ mereka.

**1. Analisis Pasaran dan Penentuan Harga**

Menjalankan analisis pasaran untuk mengenal pasti saiz dan potensi permintaan, dengan fokus kepada sektor acara, pendidikan, kerajaan, perhotelan, dan hiburan.

Menetapkan harga berasaskan langganan atau pembayaran sekali berdasarkan bilangan pengguna, acara, atau organisasi yang menggunakan sistem ini. Harga juga boleh disesuaikan mengikut skala dan ciri tambahan yang ditawarkan.

**2. Pembentukan Model Perniagaan**

Perkhidmatan SaaS (Software as a Service): Sistem boleh dikomersialkan melalui platform berasaskan awan di mana pengguna membayar untuk akses kepada perkhidmatan melalui langganan. Ini akan memastikan kemudahan dalam penggunaan serta sokongan berterusan.

Penyelesaian Custom: Tawaran untuk organisasi besar yang memerlukan penyesuaian dan integrasi sistem dengan keperluan khusus mereka.

Freemium Model: Menawarkan versi asas percuma kepada pengguna untuk meningkatkan kesedaran, diikuti dengan pilihan peningkatan kepada pakej premium dengan ciri-ciri tambahan.

**3. Kerjasama dan Perlesenan**

Bentuk kerjasama dengan syarikat teknologi, penyedia perkhidmatan acara, dan universiti untuk memperluaskan penggunaan sistem ini.

Perlesenan teknologi kepada syarikat perkhidmatan IT atau firma pengurusan acara yang berminat untuk menawarkan penyelesaian ini kepada pelanggan mereka.

**4. Pemasaran dan Promosi**

Kampanye Digital: Gunakan platform digital dan media sosial untuk mempromosikan sistem ini kepada sasaran pelanggan seperti penganjur acara, institusi pendidikan, dan hotel.

Webinar dan Bengkel: Anjurkan sesi latihan dan demonstrasi untuk memperkenalkan sistem ini kepada pelbagai organisasi dan menunjukkan kelebihannya.

Testimoni dan Kajian Kes: Kongsi testimoni dari pengguna awal atau penganjur acara yang berjaya menggunakan sistem ini untuk meningkatkan kredibiliti dan menarik pengguna baru.

**5. Pelan Pembangunan dan Pengembangan**

Penambahbaikan Berterusan: Kumpulkan maklum balas daripada pengguna awal untuk menambah baik sistem dan menyesuaikan ciri-ciri yang diperlukan mengikut keperluan pasaran.

Pengembangan Pasaran: Selepas kejayaan di pasaran tempatan, kembangkan sistem ini ke peringkat nasional dan antarabangsa dengan menyesuaikan ciri-ciri mengikut keperluan tempatan di pelbagai negara.

**6. Perlindungan Harta Intelektual**

Daftar paten atau perlindungan hak cipta untuk sistem inovasi ini, terutama ciri-ciri teknikal yang unik dan teknologi yang digunakan, untuk memastikan tiada pihak lain meniru atau menyalin sistem tanpa izin.

Dengan rancangan pengkomersialan ini, inovasi pengurusan majlis ini berpotensi untuk menjana pendapatan dan memberikan impak yang besar dalam sektor acara dan perkhidmatan pengurusan

LAMPIRAN :

**PERAKUAN DAN PENGESAHAN PENYERTAAN**

**PERAKUAN PERMOHONAN**

Semua maklumat yang diisi adalah benar, pihak BPO berhak menolak permohonan atau membatalkan tawaran pada bila-bila masa sekiranya keterangan yang dikemukakan adalah tidak benar.

Nama: **Sabrina Ibrahim**  
Email: sabrina@utm.my  
Tandatangan & cop:  
(Ketua Kumpulan)

Tarikh: 9/15/2024 12:52:26 PM

**PENGESAHAN KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)**

(Diisi oleh pemilik utama projek)

Saya mengesahkan bahawa projek inovasi ini adalah **\*MILIK PENUH PTJ SAYA / ~~MILIK BERSAMA PTJ LAIN.~~**

Nama: **Puan Hartini Darsono**  
Email: tini@utm.my  
Tandatangan & cop:  
(Ketua PTJ)

Tarikh: